

## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN

(Sila Baca dengan Berhati-hati)

Dengan meminta atau menerima barangan atau perkhidmatan daripada Expeditors, Pelanggan bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan berikut (“Terma-terma dan Syarat-syarat”).

### 1. Definisi dan Kaedah Pentafsiran.

“Expeditors” bermaksud **Expeditors International of Washington, Inc.**, dan anak-anak syarikatnya serta gabungannya termasuk **Expeditors (Malaysia) SDN. BHD.**

“Pelanggan” bermaksud mana-mana Orang untuk siapa, untuk manfaat siapa, atau atas permintaan siapa, Expeditors secara langsung atau tidak langsung memberikan perkhidmatannya, termasuk kesemua ejen, kontraktor dan/atau lain-lain wakil Orang tersebut, termasuk pengangkut, pengimport, pengeksport, pihak-pihak memaklum, pembawa, pihak-pihak dijamin, pekerja gudang, pembeli dan/atau penjual, ejen pengangkut, syarikat insurans dan pengunderait, ejen pemecah pukal, penerima konsainan, pemegang dan penerima serahan hak Dokumen Pengangkutan, Dokumen Penyimpanan atau lain-lain dokumen komersial, dan lain-lain pihak yang serupa. Pelanggan hendaklah memberi salinan Terma-terma dan Syarat-syarat ini kepada semua Orang-orang tersebut.

“Unit Kerajaan” bermaksud mana-mana negara, negeri, wilayah, daerah, *county*, munisipaliti, perbadanan awam terpakai, atau mana-mana mahkamah, tribunal, jabatan, subdivisyen, agensi atau instrumentaliti mana-mana daripada yang di atas.

“Undang-undang” bermaksud setiap daripada undang-undang, statut, kanun, kaedah, peraturan, ordinan, kedaulatan undang-undang, prinsip undang-undang, perintah, dekri,

penghakiman, panduan, atau yang bersamaan pada masa ini dan masa hadapan digubalkan, diratifikasi, diterima pakai, diisytiharkan, atau dikeluarkan oleh mana-mana Unit Kerajaan terpakai, dan kesemua konvensyen antarabangsa diratifikasikan oleh Amerika Syarikat dan/atau Wilayah atau sebaliknya terpakai secara mandatori di bawah undang-undang Amerika Syarikat dan/atau Wilayah.

Terma-terma seperti “liabiliti”, “obligasi”, dan “tanggungjawab” termasuk kesemua kewajipan untuk membayar wang, menyerahkan nilai, menyediakan perkhidmatan, melaksanakan perbuatan, atau bertahan daripada melaksanakan perbuatan.

“Orang” termasuk individu, amanah, pesaka, perkongsian, pertubuhan, perniagaan atau persatuan bukan mengambil keuntungan, Unit Kerajaan, atau lain-lain entiti undang-undang.

“Dokumen Penyimpanan” bermaksud resit pergudangan, pengaturan penyimpanan, atau lain-lain dokumen membuktikan penerimaan barangan bagi penyimpanan, pengedaran atau lain-lain pengendalian.

Terma “pihak ketiga” bermaksud setiap daripada yang berikut, melalui siapa dipilih atau diberi pampasan: pembawa, pembawa trak, pembawa kereta sorong, pengangkutan laiter, penghantar, perantaraan pengangkutan laut, penghantar muatan laut, pembawa pengendali bukan vesel, broker kastam, ejen, pekerja gudang, dan setiap Orang lain kepada siapa barangan diamanahkan untuk pengangkutan, pembawaan, *cartage*, *drayage*, pengendalian, penghantaran, penyimpanan, pengedaran, pelepasan, kemasukan atau lain-lain khidmat atau aktiviti.

“Wilayah” bermaksud Malaysia.

“Dokumen Pengangkutan” bermaksud bil muatan, bil angkutan, resit kargo penghantar,

kontrak pengangkutan, atau lain-lain dokumen dikeluarkan oleh Expeditors membuktikan penerimaan barangan bagi pengangkutan.

Terma-terma seperti “termasuk” dan “termasuklah” adalah bukan membatasi. Kesemua rujukan kepada dokumen-dokumen termasuk dokumen-dokumen dicetak atau dalam bentuk elektronik. Tajuk-rajuk adalah untuk kemudahan sahaja dan bukan merupakan sebahagian daripada Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan ditafsir tanpa mengambil kira mana-mana andaian atau kaedah yang memerlukan agar ditafsir terhadap Orang tersebut menyebabkan kesemua atau sebahagian daripadanya untuk didraf. Sekiranya Terma-terma dan Syarat-syarat ini bercanggah dengan terma-terma Dokumen Pengangkutan atau Dokumen Penyimpanan dikeluarkan oleh Expeditors, Dokumen Pengangkutan atau Dokumen Penyimpanan mengatasi. Sekiranya mana-mana bahagian daripada Terma-terma dan Syarat-syarat ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam sesebuah bidang kuasa oleh penghakiman muktamad, tidak boleh dirayu, penghakiman tidak menjejaskan keesahan atau kebolehan dikuatkuasa mana-mana bahagian lain daripada Terma-terma dan Syarat-syarat ini dalam bidang kuasa tersebut atau mana-mana bahagian daripada Terma-terma dan Syarat-syarat ini dalam bidang kuasa lain.

## **2. Peranan Expeditors.**

Expeditors bertindak sebagai ejen langsung Pelanggan dalam semua kes, kecuali sehingga tahap Expeditors bertindak sebagai pembawa.

## **3. Memilih Laluan atau Ejen.**

Melainkan Expeditors bersetuju sebaliknya, Expeditors mempunyai kebebasan lengkap dalam memilih cara, laluan, dan prosedur untuk diikuti dalam mengendalikan, mengangkut, memuat naik, memuat turun, menyimpan, melepaskan, memasuki, menghantar, mengedar, atau

sebaliknya berurusan dengan barangan, dan dalam memilih pihak ketiga untuk melaksanakan perkhidmatan ini. Kesemua pihak ketiga sedemikian akan dianggap sebagai ejen Pelanggan. Maklumat oleh Expeditors kepada Pelanggan bahawa Orang tertentu telah dipilih untuk memberi perkhidmatan tidak boleh ditafsirkan sebagai bermaksud bahawa Orang tersebut akan memberi perkhidmatan sedemikian.

#### **4. Sebut Harga Tidak Mengikat.**

Sebut harga oleh Expeditors hanyalah untuk tujuan maklumat sahaja dan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Tiada sebut harga akan mengikat Expeditors melainkan Expeditors bersetuju untuk mengendali atau mengangkut barangan pada kadar dan terma bayaran khusus.

#### **5. Kewajipan Pelanggan.**

- (a) Pelanggan hendaklah melakukan yang berikut: (1) menyediakan dan mendedahkan kesemua dokumen dan maklumat yang diperlukan untuk mengendali, mengangkut, memuat naik, memuat turun, menyimpan, melepaskan, memasuki, menyerah, mengedar dan sebaliknya berurusan dengan barangan (termasuk invois komersial dalam borang dan nombor yang betul, lain-lain dokumen yang diperlukan atau berguna dalam penyediaan catatan kastam, dan lain-lain maklumat selanjutnya untuk membolehkan Expeditors melaksanakan perkhidmatan, termasuk nilai boleh dikenakan duti, berat, ukuran, bilangan kepingan, bungkusan, karton atau bekas, keadaan barangan, klasifikasi, negara asal, ketulenan barangan dan apa-apa tanda atau simbol dikaitkan dengannya, hak Pelanggan untuk mengeksport, mengimport dan/atau mengedar barangan, dan kebolehan diterima masuk barangan, mengikut Undang-undang, kesemuanya dalam bahasa dan sebagaimana mungkin diperlukan oleh Undang-undang negara asal atau negara destinasi); (2) dengan serta-merta

memaklumkan Expeditors mengenai apa-apa kesilapan, percanggahan, kenyataan tidak betul, atau peninggalan dalam mana-mana dokumen atau lain-lain maklumat; (3) menyemak kesemua dokumen, perisytiharan, pemfailan keselamatan, dan lain-lain permohonan disediakan atau difailkan dengan mana-mana Unit Kerajaan atau mana-mana Orang lain; dan (4) menyimpan semua rekod yang diperlukan di bawah Undang-undang terpakai. Melainkan dipersetujui sebaliknya, Expeditors akan hanya menyimpan rekod-rekod tertentu yang Undang-undang terpakai perlukan Expeditors sendiri untuk menyimpannya, tetapi tidak bertindak sebagai “penyimpan rekod” atau “penyimpan rekod pihak ketiga” bagi Pelanggan. Expeditors tidak mempunyai liabiliti bagi apa-apa tindakan diambil atau denda atau penalti yang ditaksirkan oleh mana-mana Unit Kerajaan disebabkan Pelanggan gagal untuk mematuhi dengan mana-mana Undang-undang terpakai.

- (b) Expeditors tidak mempunyai liabiliti bagi duit, penalti, denda atau perbelanjaan yang bertambah, melainkan disebabkan oleh kecuaiannya atau lain-lain kesilapan Expeditors, dalam hal mana liabilitinya ditadbir oleh peruntukan perenggan 7 dan 8 di bawah.
- (c) Pelanggan membuat representasi, waranti dan waad mengenai ketepatan, kecukupan dan kelengkapan kesemua dokumen dan maklumat yang dikemukakan kepada Expeditors oleh atau untuk Pelanggan. Expeditors tidak mempunyai kewajipan untuk menyiasat mengenai ketepatan, kecukupan atau kelengkapan mana-mana dokumen atau maklumat dan tidak dalam mana-mana keadaan boleh dipertanggungjawabkan dengan maklumat yang Pelanggan gagal untuk beri secara bertulis. Expeditors boleh bergantung pada kesemua dokumen dan maklumat yang dikemukakan kepada Expeditors. Sekiranya Pelanggan gagal untuk melaksanakan mana-mana obligasi, Expeditors boleh menggunakan pertimbangannya berhubung dengan barangan tersebut.

- (d) Pelanggan membuat representasi, waranti dan waad bahawa ia adalah dan akan kekal mematuhi semua Undang-undang terpakai, termasuk Undang-undang anti-rasuah seperti U.S. Foreign Corrupt Practices Act (“FCPA”) dan U.K. Bribery Act (“UKBA”); U.S. Export Administration Regulations (“EAR”) yang ditadbir oleh Biro Industri dan Sekuriti Jabatan Komersial U.S. (“BIS”); International Traffic in Arms Regulations (“ITAR”) ditadbirkan oleh Direktorat Kawalan Perdagangan Pertahanan Jabatan U.S. (“DDTC”); peraturan Anti Boikot U.S., dan pelbagai program sanksi ekonomi U.S. ditadbirkan oleh Pejabat Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan U.S. (“OFAC”), dan bahawa maklumat Pelanggan berikan kepada Expeditors berhubung dengan pematuhan Pelanggan dengan kesemua Undang-undang terpakai tersebut adalah benar dan lengkap. Pelanggan akan juga mematuhi dengan kesemua Undang-undang terpakai mana-mana negara atau bidang kuasa lain kepada mana, daripada mana, melalui mana, ke atas mana atau dalam mana barangan mungkin diangkut, termasuk kesemua Undang-undang terpakai berkaitan dengan penandaan, pembungkusan, pembawaan, penyimpanan, pelepasan atau penghantaran barangan. Pelanggan membuat representasi, waranti dan waad bahawa bidang kuasa eksport dan klasifikasi kesemua barangan adalah betul dan bahawa ia akan dengan serta-merta memaklumkan Expeditors secara bertulis mengenai apa-apa perubahan mengenai maklumat tersebut. Pelanggan selanjutnya membuat representasi, waranti dan waad bahawa kesemua barangan adalah ditanda, dialamatkan dan dibungkus dengan teratur untuk bertahan dengan pengangkutan laut, pengangkutan udara dan pengangkutan darat. Expeditors tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan bagi apa-apa kehilangan, kerosakan, perbelanjaan atau kelewatan akibat daripada kegagalan Pelanggan untuk mematuhi dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Pelanggan akan menanggung rugi dan memastikan Expeditors ditanggung rugi terhadap mana-mana dan kesemua tuntutan, kerugian atau ganti rugi timbul daripada pelakuan Pelanggan atau mana-mana daripada pegawainya, para pengarahnya, kakitangan, ejen, pemilik atau lain-lain Orang bekerja untuk atau dengan Pelanggan di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang

membentuk pelanggaran obligasi, representasi, waranti dan waad Pelanggan terkandung dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

- (e) Melainkan dipersetujui sebaliknya, Pelanggan akan membayar kesemua duti dan lain-lain caj Kastam oleh rumah pelepasan automatik.
- (f) Melainkan dipersetujui sebaliknya, Expeditors tidak mempunyai obligasi untuk mengambil apa-apa tindakan pelepasan Kastam sebelum atau selepas, termasuk mendapatkan keputusan mengikat, memaklumkan penyelesaian, pemfailan petisyen dan/atau protes, dll.
- (g) Di mana Expeditors menyediakan dan/atau mengeluarkan Dokumen Pengangkutan atau Dokumen Penyimpanan, Expeditors tidak mempunyai obligasi untuk menyatakan di atasnya bilangan keping, bungkusan dan/atau karton, dll., atau keadaan barangan.

## **6. Insurans.**

Malainkan Expeditors bersetuju sebaliknya, Expeditors tidak mempunyai obligasi untuk mendapatkan insurans. Sekiranya Expeditors bersetuju untuk mendapatkan insurans, Expeditors mempunyai hak untuk memilik syarikat-syarikat insurans dan pengunderait. Pihak yang diinsuranskan akan mempunyai rekursa terhadap syarikat insurans sahaja dan bukan terhadap Expeditors. Pelanggan adalah bertanggungjawab bagi kesemua premium insurans dan bagi caj Expeditors untuk mengatur insurans.

## **7. Batasan Liabiliti bagi Kerugian, Kerosakan, Perbelanjaan atau Kelewatan.**

- (a) Expeditors tidak mempunyai obligasi selain daripada yang dinyatakan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau dalam mana-mana Dokumen Pengangkutan atau

Dokumen Penyimpanan yang dikeluarkan oleh Expeditors. Kecuali sebagaimana dinyatakan secara khusus dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini diperlukan secara mandatori oleh Undang-undang terpakai, Expeditors tidak membuat waranti nyata atau tersirat berhubung dengan perkhidmatannya.

- (b) Sehingga tahap yang dibenarkan oleh Undang-undang terpakai, dalam ketiadaan kecuaiian terbukti atau lain-lain kesilapan oleh Expeditors manakala barangan berada dalam kustodi fizikal Expeditors, Expeditors tidak mempunyai liabiliti apa sekalipun bagi apa-apa kehilangan, kerosakan, perbelanjaan atau kelewatan.
- (c) Tertakluk kepada batasan liabiliti selanjutnya dalam subperenggan (d) dan (e), liabiliti Expeditors bagi apa-apa kerugian, kerosakan, perbelanjaan atau kelewatan akibat daripada kecuaiian terbukti atau lain-lain kesilapan Expeditors adalah terbatas seperti berikut: (1) sekiranya tuntutan timbul daripada perkhidmatan pembrokeran Kastam Expeditors, yang mana berkurangan di antara lima puluh dolar (US) (\$50) setiap kemasukan atau jumlah yuran pembrokeran dibayar kepada Expeditors bagi kemasukan; (2) sekiranya tuntutan berkait dengan perkhidmatan pengangkutan diliputi oleh Dokumen Pengangkutan atau perkhidmatan penyimpanan, pengedaran atau pengendalian diliputi oleh Dokumen Penyimpanan dikeluarkan oleh Expeditors, batasan monetari ke atas liabiliti Expeditors diperuntukkan dalam Dokumen Pengangkutan atau Dokumen Penyimpanan; atau (3) sekiranya fasal (1) dan (2) tidak terpakai, yang mana berkurangan di antara lima puluh dolar (US) (\$50) setiap penghantaran atau nilai invois komersial penghantaran. Walau bagaimanapun, jumlah terpakai bagi mana-mana kerugian, kerosakan, perbelanjaan atau kelewatan sebahagian akan diselaraskan secara pro rata.
- (d) Pelanggan mengakui bahawa Expeditors dan pihak-pihak ketiga kepada siapa barangan diamanahkan membataskan liabiliti mereka bagi kerugian, kerosakan, perbelanjaan



atau kelewatan. Pelanggan mungkin mendapat peningkatan dalam liabiliti Expeditors di atas batasan yang dinyatakan dalam subperenggan (c) sekiranya Expeditors bersetuju dengan permintaan sebelum ia memberi apa-apa perkhidmatan dan perjanjian menyatakan had liabiliti Expeditors dan pampasan tambahan diterima atau dibayar bagi liabiliti ditambah. Sebaliknya, apa-apa penilaian yang Pelanggan letakkan di atas barangan akan dipertimbangkan bagi tujuan eksport atau kastam sahaja.

- (e) SEBAGAI BATASAN SELANJUTNYA KE ATAS LIABILITI EXPEDITORS, PELANGGAN BERSETUJU BAHAWA, SEHINGGA TAHAP MAKSIMUM DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG TERPAKAI, AGREGAT MAKSIMUM LIABILITI EXPEDITORS KEPADA PELANGGAN BAGI APA-APA CAJ, TUNTUTAN, GANTI RUGI, LIABILITI, PENGHAKIMAN, KOS, PERBELANJAAN, BAYARAN ATAU KEHILANGAN APA-APA JENIS DALAM MANA-MANA TAHUN KALENDAR YANG BELUM LAGI DIBATASKAN OLEH LAIN-LAIN PERUNTUKAN PERENGGAN 7 INI, SAMA ADA ATAU TIDAK YANG SAMA TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAIT DENGAN PERKHIDMATAN YANG DILAKSANAKAN OLEH EXPEDITORS, TIDAK AKAN MENJADI LEBIH DARIPADA YANG MANA BERKURANGAN DARIPADA YANG BERIKUT: (i) SEPULUH RIBU DOLAR (US) (\$10,000); (ii) GANTI RUGI SEBENAR, LANGSUNG; ATAU (iii) AGREGAT CAJ PERKHIDMATAN YANG DIBAYAR OLEH PELANGGAN KEPADA EXPEDITORS DALAM TEMPOH YANG SAMA.
- (f) SEBAGAI BATASAN SELANJUTNYA KE ATAS LIABILITI EXPEDITORS, PELANGGAN BERSETUJU BAHAWA, SEHINGGA TAHAP MAKSIMUM DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG TERPAKAI, EXPEDITORS TIDAK AKAN DALAM APA-APA HAL MENJADI BERTANGGUNGJAWAB BAGI SEBARANG GANTI RUGI TIDAK LANGSUNG, SAMPINGAN, BERBANGKIT, PUNITIF, BERKANUN ATAU KHAS, KEHILANGAN PENDAPATAN KEUNTUNGAN ATAU PELUANG, SEKALIPUN EXPEDITORS MENERIMA NOTIS MENGENAI KEMUNGKINAN MANA-MANA GANTI RUGI SEDEMIKIAN ATAU BAGI PERBUATAN ATAU PENINGGALAN MANA-MANA ORANG LAIN DAN WALAU BAGAIMANA SEKALIPUN

TIMBUL TERMASUK BAGI PEMUNGKIRAN KONTRAK, TORT, KECUAIAN, PERBUATAN ATAU PENINGGALAN SENGAJA ATAU DIHASRATKAN.

- (g) BATASAN DAN KETIDAKMASUKAN PERENGGAN 7 INI TERPAKAI SEKALIPUN IA MENYEBABKAN APA-APA REMEDI YANG SEBALIKNYA TERSEDIA UNTUK GAGAL AKAN TUJUAN PENTINGNYA DAN TANPA MENGAMBIL KIRA PELAKSANAAN ATAU KEGAGALAN ATAU KELEWATAN PELAKSANAAN EXPEDITORS.
- (h) sehingga tahap maksimum dibenarkan oleh Undang-undang terpakai, Pelanggan dengan ini mengeneipkan kesemua hak dan remedi di bawah Undang-undang terpakai (seperti Carmack Amendment).
- (i) Barangan boleh diamanahkan kepada pihak ketiga tertakluk kepada semua syarat berhubung dengan had liabiliti bagi kerugian, kerosakan, perbelanjaan atau kelewatan dan kepada semua kaedah, peraturan, keperluan dan syarat-syarat kelihatan dalam Dokumen Pengangkutan, Dokumen Penyimpanan, resit, tarif atau lain-lain dokumen yang dikeluarkan oleh Orang-orang tersebut. Expeditors tidak mempunyai liabiliti tambahan bagi apa-apa kerugian, kerosakan, perbelanjaan atau kelewatan yang disebabkan oleh perbuatan atau peninggalan pihak-pihak ketiga.

#### **8. Batasan Tindakan.**

- (a) Berhubung dengan mana-mana perbuatan atau peninggalan oleh Expeditors, Pelanggan mestilah kemukakan kepada Expeditors di pejabat Expeditors (1) notis tuntutan awal dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar selepas kehilangan atau kejadian yang membawa kepada tuntutan dan (2) bukti bertulis tuntutan diangkat sumpah tertulis rasmi dalam tempoh satu ratus lapan puluh (180) hari kalendar daripada tarikh kehilangan atau kejadian membawa kepada tuntutan. Kegagalan untuk

memenuhi syarat-syarat ini adalah pembelaan lengkap kepada mana-mana guaman atau tindakan oleh Pelanggan, sehingga tahap Undang-undang terpakai tidak memperuntukkan sebaliknya secara mandatori.

- (b) Sehingga tahap maksimum dibenarkan oleh Undang-undang terpakai, sebagai syarat tambahan, mana-mana guaman untuk mendapat jumlah ke atas tuntutan terhadap Expeditors hendaklah dimulakan dalam tempoh satu (1) tahun selepas tarikh penghantaran atau pelepasan barangan, tarikh apabila barangan sepatutnya telah dihantar atau dilepaskan, atau tarikh apabila mana-mana kerugian, kerosakan, perbelanjaan atau kelewatan pertama kali timbul.

#### **9. Bayaran dan Tempoh Kredit.**

Tempoh bayaran standard Expeditors memerlukan penerimaan tunai sebelum perkhidmatan dilaksanakan. Expeditors boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya memberi kredit kepada Pelanggan. Jumlah dan tempoh kredit adalah tertakluk kepada kajian berkala Expeditors. Expeditors boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya menambah, mengurangkan, menggantung atau membatalkan kredit pada bila-bila masa atas apa-apa alasan dan tanpa notis terlebih dahulu. Kecuali sehingga tahap Expeditors sebaliknya bersetuju, Expeditors tidak mempunyai obligasi untuk membuat atau menanggung apa-apa perbelanjaan, jaminan atau pendahuluan untuk apa-apa tujuan.

#### **10. Penanggungan Rugi.**

Pelanggan akan menanggung rugi Expeditors dan memastikan Expeditors ditanggung rugi daripada dan terhadap kesemua caj, tuntutan, ganti rugi, liabiliti, penghakiman, kos, perbelanjaan, bayaran atau kerugian apa jenis sekali pun (termasuk bagi harga belian, tambang muatan, penyimpanan, demuraj, penahanan, duti, cukai, denda, penalti, sampungan, ganti rugi

tidak langsung, berbangkit atau teladan, dan perbelanjaan litigasi dan perbelanjaan munasabah Expeditors, termasuk yuran peguam) timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana satu atau lebih daripada yang berikut: (a) apa-apa pelanggaran mana-mana representasi, waranti, waad, perjanjian, akujanji, kebenaran atau penepian oleh Pelanggan; (b) apa-apa kegagalan Pelanggan untuk membayar atau melaksanakan obligasinya apabila tiba masanya kepada Expeditors atau kepada mana-mana Orang (termasuk mana-mana Unit Kerajaan, pembawa, vendor, pemegang atau penerima serah hak mana-mana Dokumen Pengangkutan, Dokumen Penyimpanan, atau lain-lain dokumen komersial); (c) pelanggaran Pelanggan akan mana-mana undang-undang atau kegagalan untuk mendedah, membetuli atau melengkapi mana-mana catatan data atau dokumen, eksport, keselamatan atau lain-lain; (d) mana-mana tuntutan lain oleh mana-mana Orang lain tertentu, dalam setiap hal, walau pun bukan akibat apa-apa kecuaiian atau lain-lain kesilapan Pelanggan. Sekiranya mana-mana tindakan, tuntutan, guaman atau prosiding dibawa terhadap Expeditors, Expeditors akan memberi notis secara bertulis kepada Pelanggan melalui mel ke alamat di dalam fail dengan Expeditors. Atas perbelanjaan Pelanggan, Expeditors boleh melantik peguam dan lain-lain profesional pilihannya sendiri berhubung dengan mana-mana perkara ditanggung rugi. Obligasi tanggung rugi Pelanggan dalam perenggan ini tidak akan terpakai sehingga tahap mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten memasuki penghakiman muktamad, tidak boleh dirayu, secara khusus mendapati bahawa caj, tuntutan, ganti rugi, liabiliti, penghakiman, kos, perbelanjaan, bayaran atau kerugian adalah secara terus dan langsung disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku disengajakan Expeditors.

#### **11. Jualan Barangan Cepat Rosak.**

Barangan cepat rosak atau haiwan hidup untuk yang mana Pelanggan tidak memberi arahan bagi pelupusan boleh dijual atau sebaliknya dilupuskan tanpa apa-apa notis kepada Pelanggan, pemilik atau penerima konsainan dan bayaran atau tender perolehan bersih mana-mana jualan selepas penolakan caj adalah bersamaan dengan penghantaran barangan. Jika atas apa-apa

alasan penghantaran ditolak atau kekal tidak dituntut pada mana-mana tempat atau dikembalikan, Pelanggan hendaklah membayar Expeditors bagi kesemua caj dan perbelanjaan berhubung dengan barangan. Tiada apa memberi tanggungjawab kepada Expeditors, untuk mengemukakan, memasuki atau menjelaskan barangan atau mengatur bagi pelupusannya.

## **12. Lien Am ke atas mana-mana Harta.**

Sehingga tahap maksimum yang dibenarkan oleh Undang-undang terpakai (dan tanpa batasan kepada mana-mana hak atau remedi lain yang tersedia kepada Expeditors di bawah Undang-undang terpakai), Expeditors mempunyai lien am ke atas mana-mana dan kesemua harta (dan dokumen-dokumen berkaitan dengannya) pada masa ini atau selepas ini berada dalam pemilikan, kustodi atau kawalan Expeditors atau dalam perjalanan sebagai cagaran bagi kesemua keterhutangan dan obligasi sedia ada dan masa hadapan Pelanggan kepada Expeditors. Lien ini adalah sebagai tambahan kepada mana-mana hak atau remedi Expeditors mungkin punyai di bawah lain-lain perjanjian atau Undang-undang terpakai, dan akan mengatasi penghantaran atau pelepasan mana-mana harta. Expeditors mempunyai hak untuk menahan penyerahan atau pelepasan mana-mana harta sekiranya Pelanggan memungkir mana-mana keterhutangan atau obligasi kepada Expeditors, walau pun tidak berkaitan dengan harta sedemikian. Sekiranya mana-mana keterhutangan atau obligasi tidak dipenuhi, Expeditors boleh, selain daripada semua hak dan remedi lain di bawah lain-lain perjanjian dan/atau Undang-undang terpakai, melaksanakan kesemua hak dan remedi pihak bercagar di bawah Kanun Komersial Seragam Amerika Syarikat dan mana-mana Undang-undang terpakai yang serupa. Apa-apa notis yang diperlukan untuk diberi mengenai jualan atau lain-lain pelupusan dibuat sekurang-kurangnya sepuluh (10) hari kalendar sebelum cadangan tindakan membentuk notis yang adil dan munasabah. Apa-apa lebih daripada jualan atau lain-lain pelupusan, selepas penolakan bagi kesemua jumlah terhutang kepada Expeditors, hendaklah disampaikan kepada Pelanggan, dan Pelanggan akan menjadi bertanggungjawab bagi apa-apa ketidakcukupan. Pelanggan bersetuju untuk membuat apa-apa sekalipun (seperti

mendapatkan kebenaran, menandatangani dan menghasilkan dokumen, mengeluarkan resit dan memastikan dokumen-dokumen diisi dan ditandatangani) yang diminta oleh Expeditors dan menganggapnya perlu bagi tujuan memastikan bahawa lien yang dibentuk di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah boleh dikuatkuasakan, disempurnakan (termasuk didaftarkan sekiranya perlu) dan sebaliknya berkuat kuasa.

### **13. Pampasan Expeditors.**

Pampasan Expeditors bagi perkhidmatan dan pendahuluannya akan termasuk dengan dan sebagai tambahan kepada kadar dan caj kesemua pihak ketiga untuk mengendali, mengangkut, memuat naik, memuat turun, menyimpan, melepas, memasuki, menghantar, mengedar atau sebaliknya berurusan dengan barangan, dan tidak akan termasuk mana-mana pembrokeran, komisyen, dividen atau lain-lain hasil diterima oleh Expeditors daripada syarikat insurans atau lain-lain Orang. Pelanggan hendaklah membayar kesemua kos, perbelanjaan dan yuran (termasuk yuran peguam munasabah) ditanggung oleh Expeditors berhubung dengan (a) penguatkuasaan bayaran atau pelaksanaan mana-mana keterhutangan atau obligasi Pelanggan (termasuk melalui mana-mana tindakan atau penyertaan di dalam atau berhubung dengan prosiding kebangkrutan atau insolvensi, di mana-mana belum diputuskan) atau (b) mana-mana pertikaian di antara Expeditors dan Pelanggan atau mana-mana Orang lain. Semua jumlah yang terhutang kepada Expeditors hendaklah dibayar dalam mata wang sah dinyatakan dalam invoice Expeditors dalam dana yang boleh didapati dengan serta merta, tanpa pengurangan, tuntutan balas, penolakan, pemerolehan semula, dan bebas dan jelas daripada, dan tanpa apa-apa penolakan atau penahanan bagi, apa-apa cukai, duti, rampasan, tahanan atau lain-lain perkara. Sekiranya apa-apa jumlah tidak dibayar apabila kena dibayar, ia akan mengakru faedah sehingga dibayar pada satu perpuuluh lima peratus (1.5%) setiap bulan (19.72% setiap tahun).

#### **14. Harta Intelektual.**

Harta intelektual Expeditors diberikan, didemonstrasi atau diguna berhubung dengan mana-mana perkhidmatan, termasuk pangkalan data, perisian, laman web, program, proses dan prosedur, laporan, manual, pembentangan, paten, tanda niaga, hak cipta, rahsia dagangan, tanda perkhidmatan, kepakaran dan mana-mana hak yang serupa atau aset tidak ketara diiktiraf di bawah Undang-undang terpakai (kesemua yang tersebut di atas, termasuk kod sumber dan maklumat yang serupa, "Harta Intelektual"), telah dibangunkan dan diselenggarakan pada perbelanjaan yang banyak, mempunyai nilai yang besar kepada Expeditors, adalah rahsia dan proprietari, dan akan kekal harta mutlak dan eksklusif Expeditors pada sepanjang masa. Tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu Expeditors, Pelanggan tidak boleh sama ada secara langsung atau tidak langsung mencuba untuk atau sebenarnya mendedah, mengguna, mencipta semula, menduplikat, menyahkod, meminda, mengubah, merombak, menyahsusun, atau mereka secara terbalik mana-mana Harta Intelektual. Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa pelanggaran mana-mana daripada yang di atas akan menyebabkan mudarat tidak boleh diperbaiki kepada Expeditors.

#### **15. Privasi Data.**

Pelanggan membuat representasi, waranti dan waad bahawa ia mematuhi kesemua Undang-undang privasi dan perlindungan data terpakai berhubung dengan maklumat ("Data Pelanggan") mengenai hubungan atau klien Pelanggan atau mengenai lain-lain Orang yang Pelanggan berikan kepada Expeditors untuk membolehkan Expeditors melaksanakan perkhidmatan. Berhubung dengan Data Pelanggan, Pelanggan bertindak sebagai "pengawal data" atau terma yang serupa di bawah Undang-undang terpakai. Pelanggan selanjutnya membuat representasi, waranti dan waad bahawa ia telah memperoleh kebenaran yang

teratur daripada semua subjek data kepada pendedahan dan pemindahan Data Pelanggan kepada Expeditors. Dalam menyediakan perkhidmatan kepada Pelanggan, Expeditors mungkin diperlukan untuk berkongsi Data Pelanggan dengan Unit-unit Kerajaan dan mungkin memproses Data Pelanggan dan dengan itu bertindak sebagai “pemproses data” atau terma yang serupa di bawah Undang-undang terpakai berhubung dengan data tersebut dan akan memproses Data Pelanggan selaras dengan arahan-arahan sah daripada Pelanggan. Expeditors boleh mengguna Data Pelanggan sebagai sebahagian daripada proses pembukaan akaun, pentadbiran am Pelanggannya (sebagai contoh, untuk menjalankan pematuhan, semakan kewangan, mengeluarkan invois atau mendapat balik hutang), dan sebaliknya dalam melaksanakan perkhidmatan. Maklumat boleh dipindah kepada atau boleh diakses daripada pejabat-pejabat Expeditors di seluruh dunia.

#### **16. Force Majeure.**

Expeditors tidak akan bertanggungjawab bagi kerugian, kerosakan, perbelanjaan, kelewatan atau ketidaklaksanaan yang mengakibatkan dalam keseluruhan atau sebahagian daripada keadaan-keadaan di luar kawalan Expeditors, termasuk: (i) bencana alam, termasuk banjir, gempa bumi, ribut, taufan, kegagalan kuasa atau lain-lain bencana alam; (ii) peperangan, rampasan, samun, kecurian atau kegiatan pengganas; (iii) kejadian atau kemerosotan kepada jenis pengangkutan; (iv) embargo; (v) rusuhan awam atau tunjuk perasaan; (vi) kecacatan, sifat atau keraguman sedia ada barangan; (vii) perbuatan, pelanggaran kontrak atau peninggalan oleh Pelanggan atau mana-mana Orang lain yang mungkin mempunyai kepentingan dalam barangan; (viii) perbuatan oleh mana-mana Unit Kerajaan termasuk penafian atau pembatalan mana-mana lesen import, eksport atau lain-lain lesen yang diperlukan; atau (ix) mogok, sekat masuk, perlahan kerja atau lain-lain percanggahan buruh.



### **17. Undang-undang Mentadbir; Persetujuan kepada Bidang Kuasa dan Tempat.**

Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan ditakrif mengikut Undang-undang Malaysia, tanpa mengambil kira percanggahan prinsip undang-undang. Pelanggan tanpa tidak boleh dibatal bersetuju kepada bidang kuasa dan tempat bukan eksklusif bagi kesemua prosiding berkaitan dengan pertikaian melibatkan Pelanggan dan Expeditors dalam mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten di Malaysia. Pelanggan secara tidak boleh dibatal bersetuju kepada permulaan dan pemindahan kesemua prosiding kepada tempat tersebut. Pelanggan juga tanpa boleh dibatal bersetuju kepada permulaan dan kepada pemindahan tempat dalam mana-mana tindakan kepada mana-mana tempat lain dalam mana Expeditors adalah pihak kepada tindakan yang dibawa olehnya sendiri atau Orang lain. Pelanggan mengeneipikan kesemua pembelaan berdasarkan ketidakselesaian forum dalam kesemua tindakan dimulakan atau dipindah ke tempat yang dipersetujui di atas.

### **18. Pelbagai.**

Tanpa mengambil kira apa-apa perjalanan urus niaga, perjalanan tindakan, perjalanan pelaksanaan atau penggunaan dagangan, (a) bila-bila masa rujukan dibuat kepada perjanjian, penerimaan, kelulusan atau persetujuan Expeditors sekalipun ia tidak dinyatakan secara khusus perjanjian, penerimaan, kelulusan, atau kebenaran tersebut tidak mempunyai kuat kuasa melainkan dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pegawai Expeditors yang diberi kuasa sewajarnya, (b) sama ada kegagalan atau kelewatan oleh Expeditors untuk melaksanakan mana-mana hak, remedi, kuasa atau keistimewaan tidak akan bertindak sebagai penepian, (c) tidak ada pelaksanaan tunggal atau sebahagian akan mana-mana hak, remedi, kuasa atau keistimewaan oleh Expeditors menghalang mana-mana pelaksanaan lain atau selanjutnya atau pelaksanaan hak, remedi, kuasa atau keistimewaan lain, (d) tiada pindaan, ubahsuaian,

